

BENGKEL RETREAT HEPA

- PERKASA HALA TUJU JABATAN UNTUK TAHUN BARU 2012

Oleh: En. Mohd Hakam Hassan

30 Dis 2011-1 Jan 2012 – Bermatlamatkan hasrat untuk memperkasakan Jabatan HEPA agar terus signifikan dan relevan sejajar dengan Pelan Strategik UniMAP 2011-2015, satu Bengkel Retreat HEPA telah diadakan di Teluk Batik Resort, Teluk Batik, Lumut, Perak. Bengkel selama 3 hari 2 malam ini telah disertai oleh seramai 36 orang kakitangan jabatan HEPA dari semua lapisan jawatan termasuk Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Encik Razli Ahmad.



Slot bengkel bermula sebelah malamnya, dengan slot "Semanis Kurma". Slot ini telah dipengerusikan sendiri oleh Encik Razli Ahmad. Dalam sesi ini, kesemua peserta yang juga merupakan ahli keluarga kakitangan jabatan HEPA telah didedahkan dengan cabaran-cabaran dan senario-senario yang senantiasa menyelubungi jabatan HEPA dalam memberikan perkhidmatan kepada para pelajar UniMAP. Para peserta juga turut didedahkan dengan keperluan-keperluan yang perlu dimiliki oleh kakitangan HEPA dalam memastikan agar jabatan ini terus signifikan dan relevan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelajar di UniMAP.

Pada sebelah pagi hari kedua, bengkel telah dimulakan dengan slot sesi Analisis SWOT bagi mengenalpasti Kekuatan (Strength), Kelemahan (Weakness), Peluang (Opportunity) dan Ancaman (Threat) yang memberikan impak atau kesan kepada Jabatan HEPA samaada dari dalaman atau luaran. Untuk tujuan tersebut kesemua peserta telah dibahagikan kepada 4 kumpulan dan setiap kumpulan diberikan satu ciri-ciri seperti Kekuatan (Strength), Kelemahan (Weakness), Peluang (Opportunity) dan Ancaman (Threat) untuk dilakukan analisis dan dibentangkan oleh setiap kumpulan yang dibentuk. Hasil yang dibincangkan dan diperolehi melalui sesi Analisis SWOT seterusnya digunakan dalam sesi kedua pada hari tersebut, iaitu Analisa ERIC. Melalui analisis ini, kesemua perkara-perkara yang telah dikenalpasti melalui analisis SWOT akan dilakukan analisis ERIC melalui Hapuskan (Eliminate), Kurangkan (Reduces), Tingkatkan (Increase) dan Cipta (Create). Hasil yang diperolehi daripada analisa ERIC ini akan digunakan untuk mengariskan strategi dalam memperkasakan hala tuju Jabatan untuk tahun 2012. Sepanjang kedua-dua sesi slot ini berlangsung, semua peserta yang terlibat telah memberikan kerjasama yang cukup baik. Pada sebelah petangnya pula telah dijalankan.

Pada sebelah petangnya pula, telah berlangsung aktiviti riadah Telematch yang melibatkan semua peserta bengkel. Antara

permainan-permainan yang telah dijalankan semasa aktiviti ini adalah acara tiup belon sampai pecah, lari kaki tiga, tarik guni dan acara tarik tali. Untuk aktiviti ini, kesemua peserta telah dipecahkan kepada 4 kumpulan dengan mengikut kumpulan pada sesi sebelah pagi. Sepanjang aktiviti Tele-Match ini berlangsung, kesemua peserta telah memberikan komitmen dan semangat kerjasama berpasukan yang tinggi dalam setiap acara yang disertai. Kemesraan dan suasana ceria penuh gelak ketawa turut dilihat di kalangan peserta sepanjang aktiviti tersebut berlangsung. Selepas selesai aktiviti Tele-Match, semua peserta bersama dengan Encik Razli Ahmad menuju ke kawasan taman berhampiran Pantai Teluk Batik bagi menikmati suasana petang sambil bersantai menikmati buah Durian. Selepas selesai menikmati 'kenduri' Durian, semua peserta dibenarkan untuk menjalankan aktiviti secara bebas. Peluang ini telah diambil oleh semua peserta untuk beriadah di Pantai Teluk Batik. Pada sebelah malamnya (yang juga merupakan malam sambutan tahun baru 2012) pula telah diadakan Majlis Makan Malam yang telah dihadiri oleh semua peserta. Di samping menikmati juadah makan malam yang disediakan, majlis tersebut juga telah diserikan dengan persembahan-persembahan nyanyian karaoke oleh para peserta bengkel sendiri. Selain daripada itu, majlis pada malam tersebut juga telah diserikan dengan acara penyampaian hadiah ulangtahun hari lahir kepada semua peserta bengkel. Turut disampaikan semasa majlis tersebut adalah hadiah-hadiah kepada para pemenang aktiviti Tele-Match yang telah diadakan pada sebelah petangnya. Kemuncak majlis pada malam tersebut adalah persembahan nyanyian yang telah disampaikan oleh Encik Razli Ahmad. Tepat pada jam 12.00 tengah malam semua peserta telah bersama-sama mengikuti detik Sambutan Tahun Baru 2012 yang diserikan dengan tembakan bunga api.



Pada pagi Tahun Baru 2012, hari ketiga bengkel ini berlangsung pula telah diadakan sesi slot yang terakhir iaitu Sesi Perancangan Aktiviti JHEPA Tahun 2012. Dalam sesi ini para peserta telah diasingkan mengikut unit-unit yang ada di jabatan HEPA dan diminta untuk merangka aktiviti-aktiviti atau program-program yang akan dianjurkan sepanjang tahun 2012. Bengkel telah ditamatkan pada jam 1.00 petang, selepas semua peserta menyelesaikan urusan pendaftaran keluar bilik hotel dan menikmati makan tengahari, para peserta telah dibawa bersiar-siar di sekitar bandar Lumut sebelum bertolak pulang ke Perlis.

